

→ BISNES

MDEC mahu Malaysia jadi hab kreatif serantau

Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) berhasrat menjadikan Malaysia hab kreatif serantau yang dapat membangunkan bakat dan industri untuk memenuhi keperluan serantau dan global.

Ketua Pengarah Eksekutifnya, Datuk Yasmin Mahmood, berkata tahun lalu sektor kreatif dan teknologi negara menunjukkan penguhaian dan kekuatan dalam nilai pengeluaran serta ekonomi.

"Industri kreatif Malaysia sudah matang kerana ia mempunyai pemain globalnya sendiri.

"Antaranya ialah Les' Copaque Sdn Bhd menerusi *Upin & Ipin* yang dikenali di seluruh dunia sehingga ia menjadi duta Unicef Malaysia," katanya di Cyberjaya semalam.

Sokongan MDEC

Beliau berkata semua pemain industri kreatif dan animasi di Malaysia patut tahu bahawa kerajaan menerusi MDEC amat menyokong mereka dan mahu memastikan mereka pergi lebih jauh, bukan hanya dari segi kreativiti tetapi juga meneroka bidang perniagaan.

Katanya, Les' Copaque yang 80 peratus pendapatannya diraih daripada pelesenan dan barangan, kini turut mengendalikan Akademi Animasi Les' Copaque dengan dua fakultinya, animedia dan perniagaan kreatif, bermula hujung tahun ini.

Baru-baru ini, ketika berucap merasmikan Persidangan dan Festival Kandungan Krestitif 2017 di sini, Yasmin berkata, industri animasi dan kandungan kreatif mempunyai potensi yang begitu besar, dan ia menjadi salah satu daripada penyumbang utama kepada pendapatan negara sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

MDEC, katanya, sudah pun berusaha ke arah membangunkan ekonomi digital yang baik dan rancak, pada masa yang sama giat meneruskan usaha untuk memacu pertumbuhan pasaran.



Semua pemain industri kreatif dan animasi di Malaysia

patut tahu bahawa kerajaan menerusi MDEC amat menyokong mereka dan mahu memastikan mereka pergi lebih jauh, bukan hanya dari segi kreativiti tetapi juga meneroka bidang perniagaan"

Yasmin Mahmood,
Ketua Pengarah Eksekutif MDEC



Noh (tengah) bersama Halimah (dua dari kiri) dan FD Iskandar (kiri) ketika merasmikan Karnival Perumahan Mampu Milik (KPMM) - Ekspo Hartanah dan Perumahan Malaysia (MAPEX) 2017 di Shah Alam, semalam.

Kerajaan pertimbang konsep PPR bantu golongan M40

➔ Kementerian rangka kertas cadangan tangani isu pemilikan rumah kumpulan sasar

Oleh Nurhayati Abilah
nurhayatiabilah@bh.com.my

Konsep seperti Projek Perumahan Rakyat (PPR) akan dipertimbangkan kepada golongan M40 dalam usaha menangani isu pemilikan rumah di kalangan mereka di negara ini.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar, berkata kementerian sedang merangka satu kertas cadangan bagi pelaksanaan itu untuk membantu kumpulan sasar.

"Kami sedang merancang menyediakan satu konsep seperti PPR kepada golongan M40.

"Ia tidak seperti yang ditawarkan kepada golongan B40, yang mana contohnya kepada B40. Harga rumah adalah hampir RM180,000 kita hanya jual kepada mereka sebanyak RM35,000.

"Mungkin kepada golongan M40 kita akan pertimbangkan subsidi harga rumah tetapi ia tidak akan sebanyak yang ditawarkan seperti PPR. Contohnya, jika harga pasaran rumah RM700,000, subsidi yang ditawarkan kepada mereka antara 10 peratus hingga 20 peratus," katanya pada sidang media selepas merasmikan Karnival Perumahan Mampu Milik (KPMM) - Ekspo Hartanah dan Perumahan Malaysia (MAPEX) 2017 di Shah Alam, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri KPKT, Datuk Halimah Mohamed Sadique dan Presiden Peratuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Datuk Seri FD Iskandar.

Anggaran GDV RM1 bilion

KPMM-MAPEX 2017 yang diadakan di Pusat Konvensyen Shah Alam bermula semalam berakhir Ahad ini, menawarkan pelbagai hartanah menarik dengan anggaran nilai pembangunan kasarnya (GDV) kira-kira RM1 bilion.

Noh berkata, kertas cadangan sedang diusahakan kementerian dan sebaik siap ia akan dikemukakan kepada kerajaan untuk pertimbangan.

"Bila kita rancang, ia juga perlu mendapatkan kebenaran daripada kementerian lain dan agensi yang berkaitan," katanya.

Dalam pada itu, beliau juga meminta anak syarikat (GLC) yang ditubuhkan kerajaan ne-

Info

➔ M40 adalah golongan berpendapatan sederhana dengan pendapatan isi rumah antara RM3,860 hingga RM8,319. B40 golongan berpendapatan rendah (bawah RM3,860) ➔ KPMM-MAPEX 2017 membabitkan penyertaan 31 pemaju swasta dan 14 agensi kerajaan. ➔ Lebih 70 peratus hartanah yang ditawarkan dalam karnival berharga bawah RM500,000.

geri memainkan peranan untuk membangunkan lebih banyak rumah mampu milik untuk kepentingan rakyat di negeri masing-masing.

"Selalunya mereka (syarikat) memperoleh tanah kerajaan negeri dengan secara percuma atau menerusi bayaran yang nominal.

"Jadi, ia akan jadi lebih mudah untuk membina lebih banyak rumah mampu milik pada harga lebih murah sebagai manfaat kepada rakyat," katanya.

Perbanyak rumah kos murah

Sementara itu, FD Iskandar berkata, pihaknya juga berharap supaya kerajaan negeri juga memainkan peranan dalam memperbanyakkan pembangunan rumah kos murah bagi membantu menangani isu pemilikan rumah.

"Pemaju terutama swasta turut berdepan dengan kos menjalankan perniagaan yang semakin meningkat selain terbeban dengan pelbagai bentuk peraturan yang perlu dipenuhi.

"Justeru, pembinaan rumah kos rendah tidak seharusnya diserahkan sepenuhnya kepada pemaju.

"Namun, sebagai suara utama peserta industri hartanah dan perumahan negara, REHDA sentiasa komited untuk bekerjasama dengan kerajaan bagi memastikan sektor perumahan negara terus membangunkan dengan jayanya," katanya.